



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERBANDINGAN KADEAH KOPERATIF MODEL TGT DAN STAD TERHADAP MINAT, MOTIVASI, PENCAPAIAN DAN KBAT MATA PELAJARAN SEJARAH

RUZIANAH BINTI MISMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGAJIAN KURIKULUM) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membandingkan kaedah pembelajaran Koperatif model TGT (*Teams Games Tournament*) dan kaedah Pembelajaran Koperatif model STAD (*Students Team Achievement*) dalam Sejarah. Perbandingan yang dilakukan melibatkan minat, motivasi, pencapaian akademik dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan berkelompok melibatkan 70 orang pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah di Daerah Segamat, Johor. Subjek kajian terdiri daripada 35 orang pelajar kumpulan TGT dan 35 orang pelajar kumpulan STAD. Dua instrumen yang digunakan adalah soal selidik minat dan motivasi serta ujian pencapaian bertajuk “Kerajaan Negeri-negeri Melayu”. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan ujian-t bebas. Hasil kajian menunjukkan bahawa skor min bagi minat, motivasi dan pencapaian Sejarah kumpulan TGT adalah lebih tinggi dan signifikan secara statistik berbanding dengan skor min yang diperoleh pelajar kumpulan STAD. Namun, analisis yang diperoleh untuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kumpulan TGT dan kumpulan STAD. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan kaedah pembelajaran koperatif TGT lebih baik berbanding STAD dalam meningkatkan minat, motivasi, KBAT dan pencapaian pelajar. Implikasi kajian menunjukkan kaedah pembelajaran koperatif TGT dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Sejarah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

COMPARISON BETWEEN TGT AND STAD COOPERATIVE MODEL ON INTEREST, MOTIVATION, ACHIEVEMENT AND HOTS IN HISTORY SUBJECT

ABSTRACT

The purpose of this study was to compare the cooperative learning methodology Teams Games Tournament (TGT) model to the cooperative learning methodology Students Team Achievement (STAD) model in the teaching and learning of History. This comparison involved interests, motivation, academic performance and higher order thinking skills (HOTS) of the research subjects. Quantitative approach with quasi experimental design was used in this study. The selection of the research subjects was conducted through cluster sampling involving 70 Form 1 students from a school in Segamat, Johor. The research subjects were divided into 2 groups whereby 35 of them were placed in the TGT group and the other 35 were placed in the STAD group. Two instruments were used in the study, namely questionnaires on interests and motivation and an achievement test titled "Kerajaan Negeri-Negeri Melayu". Data from the study was analysed by using independent descriptive and t-test analysis. The research findings showed that the mean score for interests, motivation and History achievement of the TGT group was statistically higher and significant compared to the mean score of the STAD group. However, the analysis for higher order thinking skills showed no significant difference between the TGT group and the STAD group. To conclude from the study, the cooperative learning methodology TGT model is better than the STAD model in increasing the students' interests, motivation, HOTS and achievement. The implication of the study is that cooperative learning methodology model TGT can increase the effectiveness in the teaching and learning of History.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN

ii

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
x

SENARAI RAJAH

xii

SENARAI SINGKATAN

xiii

SENARAI LAMPIRAN

xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Persoalan Kajian	15



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi



1.6	Hipotesis Kajian	16
1.7	Kepentingan Kajian	17
1.8	Kerangka Konseptual	19
1.9	Definisi Operasional	20
1.10	Rumusan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Pendekatan Pembelajaran Koperatif	26
2.3	Pendekatan Pembelajaran Koperatif TGT	41
2.4	Pendekatan Pembelajaran Koperatif STAD	44



2.5.1	Teori Kognitif	52
2.5.2	Teori Konstruktivisme	55
2.5.3	Teori Motivasi Pencapaian McClelland	58
2.5.4	Teori Interaksi Simbolik	59
2.6	Reka Bentuk Kurikulum Sejarah	61
2.7	Hasil Kajian-kajian Lepas	63
2.7.1	Pendekatan Pembelajaran Koperatif Model TGT dan STAD Terhadap Minat	63
2.7.2	Pendekatan Pembelajaran Koperatif Model TGT dan STAD Terhadap Motivasi	67
2.7.3	Pendekatan Pembelajaran Koperatif Model TGT dan STAD Terhadap Pencapaian Akademik	78
2.7.4	Pendekatan Pembelajaran Koperatif Model TGT dan STAD Terhadap KBAT	83





2.7.5 Perbandingan Antara Pembelajaran Koperatif Model TGT dan STAD	87
2.8 Rumusan	91

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	93
3.2 Lokasi	94
3.3 Reka Bentuk Kajian	95
3.4 Kerangka Kajian	96
3.5 Ancaman-ancaman yang dikawal	97
3.6 Populasi dan Sampel Kajian	102
3.7 Instrumen Kajian	106
3.8 Prosedur Pelaksanaan	132
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	138
3.10 Analisis Data	141
3.11 Ruang Lingkup Kajian	143
3.12 Rumusan	143



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	145
4.2 Analisis Subjek Kajian	146
4.3 Ujian Hipotesis	150
4.4 Analisis Data Pemerhatian	155
4.5 Rumusan	158





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	160
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	161
5.3	Implikasi dan Cadangan Pembelajaran Koperatif yang Dilaksanakan di Malaysia	171
5.4	Batasan Semasa Menjalankan Kajian	177
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	180
5.6	Rumusan	187
RUJUKAN		188
LAMPIRAN		195



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Markah dan Gred Pencapaian Sekolah Menengah Berdasarkan Pentaksiran Tingkatan 3	22
2.1 Matlamat dan Ciri-ciri Pembelajaran Koperatif	30
2.2 Pengiraan Mata Kumpulan yang Digunakan di dalam Kaedah Koperatif STAD	49
2.3 Perbandingan antara Kaedah Koperatif Model TGT dan STAD	90
3.1 Perbandingan Kaedah Koperatif Model TGT dan STAD Terhadap Minat, Motivasi, Pencapaian dan KBAT Mata Pelajaran Sejarah	95
3.2 Kerangka Kajian	96
3.3 Jumlah Pelajar Tingkatan 1 SMK Palong Timur	102
3.4 Pembahagian Sampel	105
3.5 Pengelasan Item Mengikut Konsep yang Diuji	108
3.6 Jadual Spesifikasi Ujian Pencapaian bagi Topik Kerajaan Negeri-negeri Melayu Mengikut Soalan	109
3.7 Pentafsiran Item Ujian Pencapaian Berdasarkan Indeks Kesukaran	112
3.8 Pentafsiran Item Ujian Pencapaian Berdasarkan Indeks Diskriminasi	113
3.9 Pengubahsuaian Item Ujian Pra dan Ujian Pos	115
3.10 Taburan Pengelasan Item Soal Selidik Bahagian B dan C	121
3.11 Pengubahsuaian Item Soal Selidik bagi Instrumen Kumpulan TGT	122
3.12 Pengubahsuaian Item Soal Selidik bagi Instrumen Kumpulan STAD	124
3.13 Borang Keseluruhan Pemerhatian Minat dan Motivasi Pelajar	130
3.14 Jadual Instrumen Kajian	131





3.15	Kedudukan Pelajar dalam Aktiviti Perbincangan Menggunakan Kaedah Pembelajaran Koperatif Model TGT	133
3.16	Kedudukan Pelajar dalam Aktiviti Perbincangan Menggunakan Kaedah Pembelajaran Koperatif Model STAD	134
3.17	Aktiviti Pengajaran Kumpulan TGT	135
3.18	Aktiviti Pengajaran Kumpulan STAD	137
3.19	Proses Analisis Data	142
4.1	Taburan Sampel Mengikut Jantina	147
4.2	Taburan Pencapaian Sampel dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2016	148
4.3	Data analisis Ujian-T bagi Ujian Pra	149
4.4	Analisis Ujian-T bagi Minat Kumpulan TGT dan STAD	150
4.5	Analisis Ujian-T bagi Motivasi Kumpulan TGT dan STAD	152
4.6	Analisis Ujian-T bagi Ujian Pencapaian Sejarah Kumpulan TGT dan STAD	153
4.7	Analisis Ujian-T bagi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Kumpulan TGT dan STAD	154
4.8	Hasil Pemerhatian Pelajar Tentang Minat dan Motivasi Kumpulan TGT (6 Sesi Pengajaran dan Pembelajaran)	156
4.9	Hasil Pemerhatian Pelajar Tentang Minat dan Motivasi Kumpulan STAD (6 Sesi Pengajaran dan Pembelajaran)	157





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	19
2.1 Proses Pelaksanaan Model TGT	43
2.2 Proses Pelaksanaan Model STAD	44
2.3 Peringkat Pembentukan Kurikulum Mengikut Model Kurikulum Tyler	62



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH

KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAD	Student Teams Achievement Divisions
TGT	Teams Games Tournament
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Minat dan Motivasi Kumpulan TGT
- B Instrumen Minat dan Motivasi Kumpulan STAD
- C Instrumen Pencapaian Akademik Kumpulan TGT/STAD
- E Jadual Sampel Berpasangan
- F Rancangan Pengajaran Kaedah Koperatif TGT
- G Rancangan Pengajaran Kaedah Koperatif STAD
- H Kajian Rintis Soal Selidik Minat
- I Kajian Rintis Soal Selidik Motivasi
- J Indeks Diskriminasi dan Indeks Item Ujian Pencapaian Kajian Rintis
- K Kesahan Kandungan Soal Selidik
- L Keputusan CVI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



1.1 Pengenalan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sejarah merupakan mata pelajaran teras dan wajib dipelajari semua pelajar secara berterusan selama lima tahun di negara kita sejak penggubalan kurikulum Sejarah KBSM pada tahun 1988. Sejarah juga merupakan mata pelajaran wajib lulus bagi Sijil Pelajaran Malaysia bermula 2013. Mata pelajaran Sejarah ini telah diserapkan ke dalam semua aliran persekolahan termasuk sains, teknik, vokasional serta sekolah-sekolah swasta.

Matlamat pendidikan Sejarah dilaksanakan untuk memupuk semangat setia kepada negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Melalui penghayatan sejarah tanah air, para pelajar dapat memahami susur galur masyarakat dan negara serta melahirkan semangat perpaduan dan kekitaan (Norrizan Seman, 2011).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Selain itu, melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah negara dan sejarah negara luar yang berkaitan, pelajar dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Usaha ini bertujuan mewujudkan semangat perpaduan bangsa. Di samping itu, matlamat pendidikan Sejarah dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap peristiwa sejarah yang silam sebagai rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa. Hal ini bermakna, Sejarah bukan sahaja bertujuan memberi ilmu pengetahuan tetapi juga memupuk dan menghayati nilai-nilai murni ke arah pembinaan rakyat Malaysia yang mempunyai intelek, rohani, emosi dan jasmani yang seimbang dan bersepada berdasarkan iktibar daripada peristiwa Sejarah.

Norrizan Seman, (2011) menyatakan pendidikan Sejarah berupaya memainkan peranan penting dalam menghasilkan generasi yang dapat berfikir tentang masa



depan. Apabila generasi mempunyai sesebuah keupayaan sesebegini, mereka akan dapat menjangkakan masalah-masalah yang bakal timbul dan seterusnya bersedia untuk mencari alternatif ke arah membina penghidupan yang lebih baik. Pelajar akan terasuh untuk menjadi warganegara yang lebih bertanggungjawab, berketerampilan serta berupaya menggambarkan masa depan dengan lebih jelas dan sistematik.

Walaupun mata pelajaran ini sudah lama dilaksanakan kepada semua pelajar sekolah menengah, namun pencapaian pelajar amat mengecewakan (Azwani Ismail et al., 2012). Azwani Ismail et al. (2012) juga menyatakan bahawa Sejarah adalah mata pelajaran teras dalam sistem pendidikan Malaysia, mata pelajaran ini memerlukan komitmen yang tinggi dalam kalangan guru untuk memastikan kejayaan objektif mata pelajaran ini dan dapat meningkatkan pencapaian pelajar.





Mata pelajaran Sejarah juga dianggap suatu mata pelajaran yang membosankan (Md. Nizar Parman, 2014). Oleh itu, cabaran guru adalah kaedah untuk menghapuskan kebosanan dalam kalangan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah, kaedah supaya kandungan ilmu mata pelajaran Sejarah boleh disesuaikan dengan situasi semasa dan relevan pada pemikiran pelajar dan kaedah bagi guru Sejarah menyelesaikan kurikulum Sejarah yang terlalu padat untuk diajarkan kepada pelajar. Keadaan ini mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian berkaitan kaedah pembelajaran koperatif untuk membantu guru-guru Sejarah menggunakan kaedah yang bersesuaian bagi menarik minat pelajar. Hal ini selaras dengan pendapat Tan et al. (2013), yang menyatakan ramai penyelidik di dalam dan luar negara telah menjalankan kajian tentang keberkesanannya bagi kaedah pembelajaran koperatif yang menunjukkan kesan positif terhadap pencapaian akademik, motivasi,



Di samping itu, kaedah pembelajaran koperatif mempunyai beberapa kaedah yang boleh digunakan semasa pengajaran Sejarah. Oleh itu, penyelidik memilih untuk memfokuskan dua kaedah pembelajaran koperatif iaitu “Teams Games Tournament” (TGT) dan “Student Team Achievement Division” (STAD) untuk dibuat perbandingan terhadap minat, motivasi, pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mata pelajaran Sejarah. Hasil dapatan kajian ini boleh digunakan oleh guru untuk memilih dan merancang strategi pengajaran yang bersesuaian demi mengubah minat, motivasi, pencapaian dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) Sejarah.





1.2 Latar Belakang Kajian

Analisis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2013 hingga 2014 menunjukkan pelajar yang gagal dalam mata pelajaran Sejarah iaitu 13.43 peratus pada tahun 2013 manakala 13.96 peratus pada tahun 2014. Analisis ini membuktikan bahawa terdapat peningkatan 0.53 peratus pelajar yang gagal SPM dalam mata pelajaran Sejarah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Masalah kelemahan Sejarah sering dikaitkan dengan sikap pelajar sendiri yang menganggap mata pelajaran Sejarah sebagai sesuatu yang sukar dan membosankan (Md. Nizar Parman, 2014). Hal ini disebabkan pembelajaran mata pelajaran Sejarah lazimnya dijalankan dalam bentuk hafalan (Khoo Kay Kim, 2008). Oleh itu, guru-guru perlu memilih dan menggunakan kaedah yang paling sesuai bagi membantu pelajar-pelajar dan diri mereka dalam mencapai usaha seterusnya bagi mencapai objektif pengajaran yang telah dirancangkan (Khalid Ismail dan Rohaila Yusuf, 2012). Khalid Ismail dan Rohaila Yusuf (2012) juga menerangkan bahawa guru perlu menyesuaikan kaedah pengajaran dengan gaya pembelajaran pelajar dengan lebih menekankan soal minat, kreativiti, intelektual, sikap penghayatan dan inspirasi sesuatu mata pelajaran dalam kehidupan pelajar.

Selain itu, pendekatan yang biasa digunakan adalah berpusatkan guru. Pendekatan yang disarankan adalah pendekatan berpusatkan pelajar yang membantu meningkatkan pengetahuan dan penguasaan isi pelajaran. Pendekatan berpusatkan pelajar membolehkan pelajar melakukan pelbagai aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini mendorong minat dan dapat meningkatkan motivasi pelajar.





Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) menyatakan pada tahun 2014, Kementerian akan menerap elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kurikulum, termasuk meningkatkan peratus soalan berunsur KBAT dalam UPSR dan SPM kepada 20% berbanding 10% pada tahun 2013. Hal ini menunjukkan KBAT juga penting untuk diterapkan kepada pelajar kerana peningkatan elemen ini dalam peperiksaan. Oleh itu, jika minat dan motivasi dapat dibentuk, pencapaian akademik dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) juga akan meningkat.

Salah satu kaedah yang boleh digunakan oleh guru terutama mata pelajaran Sejarah adalah menggunakan kaedah pembelajaran koperatif. Hal ini disokong dengan pendapat Azwani Ismail et al. (2012) yang menyatakan bahawa pelajar perlu

didedahkan dengan pembelajaran yang berbentuk kumpulan kerana akan membantu pelajar untuk belajar membuat keputusan sendiri. Selain itu, pembelajaran yang efektif ini akan melahirkan pelajar yang celik sejarah, bersikap positif, mempertingkatkan kemahiran komunikasi sesama rakan, meningkatkan daya pemikiran dan boleh mengambil iktibar daripada pengalaman sejarah. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan ini mengupas minat, motivasi, pencapaian akademik dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) terhadap mata pelajaran Sejarah. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih SMK Palong Timur yang terletak dalam gugusan FELDA Palong Timur, Segamat Johor.





1.3 Pernyataan Masalah

Sejarah ialah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua pelajar selama lima tahun (Azwani Ismail et al., 2012). Menurut Md. Nizar Parman (2014), mempelajari Sejarah bukan hanya semata-mata untuk lulus dan melayakkan seseorang pelajar memperoleh sijil dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tetapi lebih penting ialah sejarah dijadikan pengajaran dan pedoman dalam hidup.

Mempelajari mata pelajaran Sejarah juga penting dalam usaha melahirkan warganegara yang setia dan mewujudkan perpaduan nasional (Md. Nizar Parman, 2014). Md. Nizar Parman, (2014) juga menerangkan bahawa pelajar perlu diberikan



Kesedaran yang mendalam tentang sejarah penting kerana Malaysia telah melalui pelbagai cabaran untuk memperoleh kejayaan daripada pelbagai aspek, dan hanya melalui mata pelajaran Sejarah kita dapat mewujudkan keperibadian dan kebanggaan bangsa Malaysia.

Khoo Kay Kim (2008) yang menyatakan pembelajaran mata pelajaran Sejarah lazimnya dijalankan dalam bentuk hafalan. Pelajar juga difokuskan dengan menitikberatkan aspek mengingati tarikh, fakta-fakta serta pergolakan dunia yang telah terjadi beribu-ribu tahun yang lampau. Hal ini akan menyebabkan mereka mempunyai perspektif yang sempit tentang proses perkembangan masyarakat dan negara, malah tidak memberi mereka peluang untuk berkomunikasi secara berkesan. Hal ini disokong oleh Muslimin Fadzil (2010) yang menyatakan sejarah terdiri





dari pada sekumpulan fakta yang telah diteliti dan dipastikan. Pelajar juga mempunyai tanggapan awal bahawa mata pelajaran Sejarah ialah mata pelajaran yang membosankan.

Muslimin Fadzil (2010) menyatakan pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah dikaitkan dengan suasana yang lesu dan membosankan. Hal ini disebabkan beberapa faktor seperti pedagogi guru, kurikulum yang meliputi teks asasi dan rujukan, persekitaran dan budaya sekolah, perancangan dan strategi pengajaran dan pembelajaran, personaliti guru dan kreativiti guru.

Azwani Ismail et al. (2012) menyatakan corak pengajaran Sejarah di sekolah masih bersifat konvensional dan membosankan pelajar. Selain itu, ramai pelajar



mendapati pelajaran Sejarah sangat menjemukan dan tidak merangsang pelajar untuk berfikir dan berkeyakinan dalam memberi pendapat. Kenyataan ini ditambah dengan pernyataan Ahamad Rahim dan Abdul Razaq Ahmad (2012) yang menyatakan kelonggaran dan kerapuhan metodologi serta gaya pengajaran guru menyebabkan pelajar kurang berminat terhadap proses pembelajaran dalam bilik darjah. Hal ini juga menyebabkan pelajar kurang bermotivasi untuk mempelajari Sejarah.

Pembelajaran mata pelajaran Sejarah lazimnya dijalankan dalam bentuk hafalan seperti yang dikatakan oleh Khoo Kay Kim (2008) dan kenyataan Muslimin Fadzil (2010) serta Azwani Ismail et al. (2012) menyatakan Sejarah ialah mata pelajaran yang membosankan berlaku sehingga kini. Hal ini dibuktikan dengan temubual secara tidak rasmi bersama pelajar Tingkatan 2 di SMK Palong Timur yang





menyatakan Sejarah ialah mata pelajaran yang membosankan. Oleh itu, mereka tidak dapat mencapai tahap yang baik dalam peperiksaan.

Selain itu, temubual secara tidak rasmi bersama setiausaha peperiksaan di 5 buah sekolah di daerah Segamat menerangkan keputusan pelajar di dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun bagi Tingkatan 1 menunjukkan keputusan yang kurang memuaskan iaitu ramai pelajar gagal menguasai pengajaran Sejarah. Hal ini juga berlaku di lokasi kajian kerana untuk pelajar menengah rendah, mereka hanya akan menjalani penilaian pelbagai instrumen semasa menduduki Pentaksiran Tingkatan 3. Oleh itu, pelajar menengah rendah beranggapan mata pelajaran Sejarah tidak penting kerana tiada penilaian bertulis semasa mereka menduduki Pentaksiran Tingkatan 3. Pelajar ini lupa bahawa mereka akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia yang



Situasi di atas menunjukkan bahawa walaupun tiada ujian bertulis untuk mata pelajaran Sejarah bagi Pentaksiran Tingkatan 3, namun pelajar perlu mempelajari Sejarah untuk memperoleh sijil semasa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh yang demikian, penyelidik mengenal pasti beberapa boleh ubah yang perlu dititikberatkan dalam kajian untuk mengatasi masalah ini iaitu minat, motivasi, pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi. Pemboleh ubah minat dan motivasi dipilih untuk mengatasi masalah kebosanan terhadap mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, perbandingan kaedah koperatif “Teams Games Tournament” (TGT) dan “Student Team Achievement Division” (STAD) dipilih untuk mengenal pasti kaedah yang paling sesuai untuk mengatasi masalah kebosanan. Apabila pelajar mempunyai minat dan motivasi, masalah kebosanan akan dapat diatasi. Di samping itu, pelajar dapat





meningkatkan pencapaian akademik dan masalah keputusan yang kurang memuaskan dapat diatasi dengan timbulnya minat dan motivasi pelajar untuk belajar Sejarah. Oleh itu, kaedah pembelajaran yang sesuai perlu digunakan untuk menarik minat dan motivasi pelajar seterusnya dapat meningkatkan pencapaian akademik.

Selain itu, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) penting kerana menurut Nur Hidayah Ismail, (2015) transformasi pendidikan dalam dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) memberikan penekanan terhadap KBAT yang berupaya melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran kritikal dan kreatif. Dr. Na'imah Ishak dalam Nur Hidayah Ismail (2015) menyatakan penguasaan KBAT amat penting dan sewajarnya diterapkan dalam diri pelajar kerana kebolehan berfikir aras tinggi amat diperlukan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan jati diri pelajar, penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran berupaya menyediakan pelajar dengan kemahiran yang sesuai dalam menghadapi cabaran hidup. Oleh itu, boleh ubah KBAT dipilih kerana pelajar di lokasi kajian kurang berkemahiran untuk berfikir aras tinggi. Apabila pelajar kurang berkemahiran untuk berfikir aras tinggi, kaedah yang bersesuaian perlu difikirkan untuk meningkatkan KBAT pelajar. Situasi ini dinyatakan oleh Fika Rizqi Rachmawati dan N. Setyaningsih, (2014) tahap kemahiran berfikir pelajar secara kritikal adalah rendah di dalam kelas disebabkan oleh proses pembelajaran guru yang menggunakan kaedah pembelajaran tradisional. Hal ini disokong dengan pendapat Azwani Ismail et al. (2012) yang menyatakan sekiranya guru mementingkan pengajaran yang memberi latihan kepada pelajar untuk berfikir, maka apabila pelajar meninggalkan alam persekolahan dan menjakkan kaki ke alam baharu, mereka akan berasa lebih yakin kerana berkebolehan serta berinisiatif





dalam menyelesaikan masalah dan berfikiran dengan kreatif. Guru Sejarah perlu berinovatif dalam menyusun proses pengajaran dan pembelajaran.

Azwani Ismail et al. (2012) juga menyatakan guru juga harus memilih kaedah pengajaran pembelajaran yang boleh menarik minat serta mencabar kebolehan pelajar, merangsang pembelajaran dan menyeronokkan. Kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mampu meningkatkan pencapaian akademik dan kemahiran berfikir pelajar. Menurut Brown, (2007) pembelajaran koperatif merupakan satu kaedah pembelajaran yang akan dapat membolehkan pengajar melakukan interaksi secara sosial. Oleh itu, pemilihan pembelajaran koperatif adalah bersesuaian untuk meningkatkan KBAT pelajar.



mempunyai banyak kelebihan seperti berkesan dalam menarik minat pelajar (Farzaneh dan Nejadansari, 2014) dan meningkatkan pencapaian akademik (Manisah Manshor dan Tengku Zawawi, 2013 dan Tan et.al, 2013).

Tidak semua aktiviti berkumpulan boleh digolongkan sebagai pembelajaran koperatif melainkan struktur yang digunakan memenuhi prinsip atau ciri yang ditetapkan. Prinsip atau ciri koperatif ialah melibatkan matlamat kumpulan, peranan ahli, sumber atau bahan, interaksi bersemuka dan tanggungjawab individu (Ismail Said, 2009). Pelbagai struktur untuk melaksanakan pembelajaran koperatif kerana setiap model mempunyai struktur yang berbeza. Oleh itu, penyelidik memilih untuk menggunakan model koperatif “Teams Games Tournament” (TGT) dan “Student Team Achievement Division” (STAD). Kedua-dua model ini dibandingkan untuk





mengenal pasti model yang lebih bersesuaian untuk digunakan dalam mata pelajaran Sejarah. Kedua-dua model ini adalah model yang sama dari aspek pengajaran guru dan aktiviti perbincangan kumpulan tetapi mempunyai perbezaan daripada aspek penilaian kumpulan iaitu model TGT menilai pelajar dengan menggunakan pertandingan manakala STAD menilai pelajar menggunakan kuiz secara individu.

Kajian lepas banyak berkaitan perbandingan pembelajaran koperatif dengan pembelajaran tradisional dengan menggunakan pelbagai model seperti Model STAD yang menarik minat pelajar (Zainun, Zanaton & Norziah, 2013 dan Zahara Aziz dan Suzela Bustam, 2011), Model STAD yang meningkatkan motivasi pelajar (Simbah, 2012; Van Wyk, 2012 dan Mohammad Reza Keramati, 2014) dan Model STAD yang meningkatkan pencapaian akademik (Zahara Aziz dan Suzela Bustam, 2011;

Mohammad Reza Keramati, 2014 dan Majoka, Dad dan Mahmood, 2010). Kajian model TGT pula melibatkan kajian yang dijalankan oleh (Manisah Manshor dan Tengku Zawawi Zainal, 2013) untuk meningkatkan pencapaian. Oleh itu, penyelidik ingin mengetahui kaedah yang paling berkesan antara kaedah pembelajaran model TGT dan STAD kerana apabila penyelidik terdahulu membuat kajian kedua-dua model ini memberikan kesan yang positif terhadap minat, motivasi dan pencapaian akademik.

Walaupun pelbagai kaedah koperatif dicadangkan oleh para penyelidik, dapatan kajian untuk pengajaran Sejarah masih kurang. Kajian yang dijalankan oleh (Farzaneh dan Nejadansari, 2014; Zainun, Zanaton & Norziah, 2013; Zahara Aziz dan Suzela Bustam, 2011; Simbah, 2012; Van Wyk, 2012; Manisah Manshor dan Tengku Zawawi, 2013 dan Tan et.al, 2013) lebih berfokus kepada mata pelajaran





Bahasa, Matematik, Geografi, Kemahiran Hidup dan Ekonomi. Hanya terdapat kajian yang dilakukan oleh (Azwani Ismail et al., 2012) yang melibatkan pengajaran Sejarah. Pemboleh ubah bersandar yang digunakan adalah sikap dan kemahiran berkomunikasi. Oleh itu, mata pelajaran Sejarah dipilih untuk dibuktikan perbandingan pembelajaran koperatif TGT dan STAD yang melibatkan pemboleh ubah bersandar minat, motivasi, pencapaian akademik dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Olumuyiwa (2013) menyatakan semasa ujian awal dijalankan terdapat perbezaan yang ketara dalam min markah pencapaian pelajar. Pelajar yang menggunakan pembelajaran tradisional mendapat markah yang lebih tinggi berbanding pelajar yang menggunakan pembelajaran koperatif STAD kerana pelajar masih tidak



Selain itu, berdasarkan temu bual secara tidak rasmi yang dilaksanakan bersama 30 orang guru di kawasan kajian mendapati bahawa kaedah pembelajaran koperatif memerlukan kemahiran dan penglibatan pelajar yang baik untuk menjadikannya berkesan untuk meningkatkan pencapaian dan sikap pelajar. Di samping itu, masalah pelajar kurang bersemangat untuk belajar timbul apabila guru menggunakan kaedah pembelajaran koperatif STAD berbanding TGT kerana STAD hanya menggunakan penilaian melalui ujian individu manakala TGT menggunakan penilaian pertandingan yang memberi keseronokan dalam proses pembelajaran.

Kajian perbandingan antara dua kaedah koperatif iaitu TGT dan STAD dipilih kerana terdapat banyak kajian lepas yang membandingkan pembelajaran koperatif

